

KERTAS KERJA PEMBINAAN & PENTARBIYAHAN AHLI PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
Kemaskini Oleh : Akademi Tarbiyah Dewan Pemuda PAS Malaysia

USLUB DAKWAH

Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Sesungguhnya melaksanakan uslub yang baik dalam menjalankan tugas dan kewajiban berdakwah bagi menyampaikan Islam kepada manusia dan menegakkannya di atas muka bumi ini, mestilah berpandukan perintah Allah Taala dan contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W; walau apa pun yang dilakukan itu adalah paling baik dari segi niat dan matlamatnya, tetapi jika tidak mempunyai uslub yang baik tidaklah memberi kesan yang sepatutnya dengan kemurnian dakwah dan kegigihan pendukungnya dan mungkin membawa suatu pengorbanan yang tidak munasabah berlaku.

Allah Taala berfirman :

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

“Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah (berdebat) dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”¹.

Hikmah atau kebijaksanaan itu ialah meletakkan suatu pada tempatnya, teliti memilih masa, keadaan, kata-kata yang sesuai dan cara mengemukakannya, menepati Islam sebagai agama fitrah yang bersesuaian dengan fitrah kemanusiaan dalam penyampaian dakwah. Adapun nasihat yang baik itu mestilah dengan uslub yang baik dan cara yang munasabah diterima samada dengan cara pujukan ataupun amaran yang berkesan yang disampaikan dengan penuh kesabaran.

Oleh itu, tidak syak lagi kepada kita bahawa dakwah menyampaikan Islam itu memerlukan keilmuan dan kemampuan kepada manusia, itulah yang

¹ Surah An Nahl:125, Al Quranul Karim

dinamakan uslub dakwah yang dibicarakan oleh pengajian Fiqh Dakwah. Malah dakwah juga seharusnya berlangsung dalam suasana apapun, walau menerima berbagai halangan dan kesulitan, dakwah wajib berjalan.

Firman Allah Taala :

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)”².

Firman Allah di atas merupakan pembahagian tugas di kalangan orang-orang beriman iaitu antara tugas berjihad. Sebahagian umat Islam diharuskan berjihad di medan perang dan sebahagian lainnya berjihad dengan menuntut ilmu **untuk berdakwah**, bukannya menuntut ilmu untuk manfaat dirinya sendiri sahaja. Al-Quran telah mempertegas bahawa dalam keadaan perang sekalipun perlu ada kelompok yang belajar agama secara sungguh-sungguh.

Manakala dakwah itu meliputi seruan yang begitu luas sama ada ia disampaikan melalui lisan, tulisan dan gerakan. Manakala cara penyampaiannya juga pelbagai, ada masa perlu berlembut dan ada masanya wajar ia disampaikan dengan keras, tetapi utamakan penyampaian yang lembut terlebih dahulu.

Kata Saidina Ali bin Abi Talib :

عَاتِبْ أَخَاكَ بِالْإِحْسَانِ إِلَيْهِ، وَارْذُدْ شَرَّهُ بِالْإِنْعَامِ عَلَيْهِ

“Nasihatilah teman anda dengan perilaku yang baik terhadapnya, dan jauhkanlah kejahatannya dengan berbuat baik kepadanya”.

Imam Fakhruddin Ar Razi rahimahullah berkata; **“Sikap lemah lembut dan kasih sayang hanya dibolehkan apabila hal itu tidak menyebabkan pengabaian terhadap salah satu hak Allah. Jika sikap itu (lemah lembut)**

² Surah At Taubah:122, Al Quranul Karim

membawa kepada keadaan demikian maka tidak dibolehkan (untuk bersikap lemah lembut)”³.

Sumber-Sumber Dakwah

Sebagaimana ilmu-ilmu lain yang mempunyai sumber rujukan, maka uslub dakwah juga hendaklah dirujuk kepada sumbernya yang sebenar, supaya apa yang dilakukan itu tepat dengan prinsip agama Allah yang menjadi penentu kepada penerimaan segala amal yang dilakukan. Adapun yang menjadi sumber rujukan perbincangan kita tentang uslub dakwah itu ialah:

- ***Al Quranul Karim***

Al Quranul Karim adalah penentuan kepada dasar dakwah yang menjadi pengawalnya agar tidak terpesong dari tajuk yang sebenar. Oleh itu, ia menjadi rujukan utama kepada setiap pendakwah. Di dalamnya terdapat kisah-kisah Nabi dengan kaum mereka sebagai contoh yang tepat kepada uslub dakwah secara praktikal samada dakwah terhadap individu atau masyarakat dan negara. Mendedahkan penyelewengan pelbagai umat yang didakwahkan oleh Para Rasul, merupakan contoh yang mesti berlaku di sepanjang zaman.

- ***Sunnah Rasulullah S.A.W***

Kita dapati banyak hadis yang berhubung dengan perkara dakwah dan cara-caranya, kerana apa yang berlaku di dalam Sirah RasuliLlah S.A.W samada di Mekah atau Madinah, menghadapi ahli kitab, pemimpin masyarakat atau Badwi yang paling keras, itu semua menjadi praktikal kepada uslub dakwah.

- ***Sirah Salafus Soleh***

Di dalamnya terdapat kisah Para Sahabat dan Tabi'en yang melihat dari dekat ketika dakwah itu dimulakan serta pengalaman mereka yang banyak menjadi contoh, dan ilmu mereka yang mendalam memahami ketika hukum Islam itu diwahyukan dan cara penyampaian yang sebenar perlu dikaji sedalam-dalamnya.

- ***Pengalaman***

Pengalaman juga menjadi guru yang berkesan samada dari kejayaan atau kesilapan dan kegagalan, samada dari kita atau dari orang lain, kerana ia boleh membina kematangan pendakwah dan membentuk keperibadian yang menjadi asas kepada kemampuan memikul amanah dakwah ketika mengharungi

³ Tafsir Kabir:9/64, Lubnan, Beirut

perjuangan atau setelah mencapai kemenangan, dan ia menjadi proses tarbiyah yang berkesan kepada pendakwah ke arah menanamkan keteguhan iman dan kematangan menterjemahkan uslub dakwah dengan penuh kebijaksanaan.

Uslub Dakwah Yang Berkesan

Menyampaikan dakwah dengan cara yang berkesan itu ialah dengan menyatakan melalui dua saluran iaitu daripada peribadi pendakwah dan menjadi benteng yang boleh menafikan serangan musuh terhadap kemurnian dakwah. Seterusnya mengemukakan dakwah itu kepada orang yang didakwah dengan meneliti keadaannya, suasana dan cara yang munasabah supaya dakwah boleh diterima.

Kriteria Mad'u & Peribadi Pendakwah

Perlu difahami bahawa bukan kita sahaja mempunyai uslub ketika berdakwah, tetapi musuh juga mempunyai cara mereka. Al Quranul Karim mendedahkan cara yang dilakukan oleh musuh bagi menentang dakwah di antaranya :

Menyerang Tajuk Dakwah

Menyerang tajuk dakwah yakni menyerang ajaran Islam secara langsung.

Firman Allah Taala :

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا إِفْكٌ افْتَرَاهُ وَأَعَانَهُ عَلَيْهِ قَوْمٌ آخَرُونَ فَقَدْ جَاءُوا ظُلْمًا وَزُورًا

“Dan orang-orang kafir berkata Al Quran ini tidak lain hanyalah kebohongan yang diada-adakan oleh Muhammad, dan dia dibantu oleh kaum yang lain, maka sesungguhnya mereka itu telah berbuat sesuatu kezaliman dan dusta yang besar”⁴.

وَقَالُوا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ اكْتَتَبَهَا فَهِيَ تُمْلَى عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

“Dan mereka berkata, dongengan-dongengan orang-orang dahulu, dimintanya supaya dituliskan maka dibacakanlah dongengan itu kepadanya pada setiap pagi dan petang”⁵.

⁴ Surah Al Furqan:4, Al Quranul Karim

⁵ Surah Al Furqan:5, Al Quranul Karim

Firman Allah Taala lagi :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْلَوْكَانَ
آبَاؤُهُمْ لَا يَعْقلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

“Dan apabila dikatakan kepada mereka, ikutilah apa yang telah diturunkan oleh Allah, mereka menjawab, bahkan mengikut apa yang telah kami dapati dari nenek moyang kami, walaupun nenek moyang mereka itu tidak dapat mengetahui sesuatu apapun dan tidak mendapat petunjuk”⁶.

Pada hari ini kita juga bertemu dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap Islam dengan menyatakan ianya tidak sesuai, hukum syariatnya tidak munasabah dengan keadaan sekarang, dan ada pula orang yang menyatakan, keadaan yang ada ini kita warisi sejak turun-temurun, parti tidak ada di zaman dahulu dan sebagainya.

Menyerang Pendakwah

Kita ketepikan dahulu serangan secara fizikal kerana itu boleh dibincangkan dalam tajuk yang lain, yang mempunyai penyelesaian yang tersendiri yang juga penuh bijaksana.

Perbincangan kita dalam konteks muwajahah silmiyyah yang memerlukan penuh kepintaran menghadapinya. Islam itu pernah menjadi sasaran mereka, maka pendukungnya juga turut menjadi sasaran yang lebih terdedah dengan melemparkan tuduhan dan fitnah yang bertujuan menghilangkan kepercayaan orang yang didakwah terhadap pendakwah.

Al Quranul Karim juga mendedahkan contoh yang banyak bagaimana tuduhan terhadap pendakwah dikemukakan oleh musuh Islam, di antaranya firman Allah Taala :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ إِنِّي
أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ

⁶ Surah Al Baqarah:170, Al Quranul Karim

“Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya, lalu ia berkata, wahai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagiMu selainNya, sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa azab hari yang besar”⁷.

قَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا لَنَرَاكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

“Pemuka-pemuka dari kaumnya berkata, sesungguhnya kami memandang kamu berada dalam kesesatan yang nyata”⁸.

Firman Allah Taala :

وَعَجِبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنذِرٌ مِنْهُمْ وَقَالَ الْكَافِرُونَ هَذَا سَاحِرٌ كَذَّابٌ

“Mereka hairan kerana datang kepada mereka pemberi peringatan dari kalangan mereka, dan orang-orang yang kafir berkata, ini adalah seorang ahli sihir yang amat pembohong”⁹.

Firman Allah Taala :

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ أَفَلَا تَتَّقُونَ

“Dan kami telah mengutuskan kepada kaum 'Aad saudara mereka Hud, ia berkata, hai kaumku, hai umatku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagiMu selain dariNya, maka mengapa kamu tidak bertaqwa kepadaNya?”¹⁰.

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا لَنَرَاكَ فِي سَفَاهَةٍ وَإِنَّا لَنَظُنُّكَ مِنَ الْكَاذِبِينَ

“Pemuka-pemuka yang kafir dari kaumnya berkata, sesungguhnya kami benar-benar memandang kamu dalam keadaan bodoh dan sesungguhnya kami menganggap kamu termasuk orang-orang yang berdusta”¹¹.

Firman Allah Taala :

⁷ Surah Al A'raaf:59, Al Quranul Karim

⁸ Surah Al A'raaf:60, Al Quranul Karim

⁹ Surah Shaad:4, Al Quranul Karim

¹⁰ Surah Al-A'raaf:65, Al Quranul Karim

¹¹ Surah Al-A'raaf:66, Al Quranul Karim.

وَقَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِ فِرْعَوْنَ أَتَدْرُ مُوسَى وَقَوْمَهُ لِيُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَيَذَرَكَ
وَأَهْلِكَ قَالَ سَنُقْتِلُ أَبْنَاءَهُمْ وَنَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ قَاهِرُونَ

“Berkatalah pembesar dari kaum Firaun (kepada Firaun), adakah kamu mahu membiarkan Musa dan kaumnya untuk membuat kerosakan di Mesir dan meninggalkan kamu serta tuhan-tuhanmu. Firaun menjawab; Kita akan membunuh anak-anak lelaki mereka dan kita biarkan hidup anak-anak perempuan mereka, dan kita tetap menguasai (menundukkan) mereka”¹².

Tersebut di dalam sirah, orang-orang kafir Mekah pernah berkata kepada Rasulullah S.A.W :

وَإِنَّكَ قَدْ آتَيْتَ قَوْمَكَ بِأَمْرِ عَظِيمٍ فَرَقَّتْ بِهِ جَمَاعَتَهُمْ، وَسَقَّهَتْ بِهِ
أَحْلَامَهُمْ، وَعِيبَتْ بِهِ آهْلَتَهُمْ وَدِينَهُمْ، وَكَفَّرَتْ مَنْ مَضَى مِنْ آبَائِهِمْ

“Sesungguhnya kamu membawa petaka yang besar kepada kaummu, kamu memecahbelahkan perpaduan mereka, membodohkan impian mereka, menghina tuhan-tuhan dan agama mereka, mengkafirkan nenek moyang mereka”¹³.

Tuduhan dan fitnah terhadap golongan Islam sebagai golongan sesat, pembohong, bodoh, gila, pemecah-belah masyarakat, mengkafir dan sebagainya merupakan uslub yang biasa dilakukan di sepanjang zaman oleh musuh-musuh Islam bagi menggagalkan kerja-kerja dakwah yang dilakukan. Oleh itu, pendakwah hendaklah menghadapi dengan uslub yang tidak merugikan dakwah di samping jawapan-jawapan secara lisan dan tulisan, maka uslub membentuk peribadi sendiri adalah cara yang paling berkesan bagi membatalkan langkah-langkah musuh.

Oleh itu, pendukung gerakan Islam hendaklah melengkapkan diri mereka dengan sifat-sifat kelslaman yang teguh; antaranya ialah :

• Memahami Agama

Seseorang pendakwah itu hendaklah menyampaikan Islam menurut tajuknya yang sebenar dan tegak di atas jalan yang sebenar. Oleh itu, ia hendaklah

¹² Surah Al A'raaf:127, Al Quranul Karim

¹³ Tarikh Dimashq Ibnu Asakir. NO:14902, Harfu 'Ain, Utbah bin Rabe'ah

memahami Islam, memahami aqidahnya, syariat, halal, haram, kewajiban yang mesti dibuat dan larangan agama, memahami akhlak Islam zahir dan batin.

Firman Allah Taala :

أَمَّنْ هُوَ قَانِتٌ آنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ
هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

“(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapakan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya); Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna”¹⁴.

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

“Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat dari urusan agama, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui”¹⁵

Sabda Rasulullah S.A.W :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ، وَالْفِئْقَةُ بِالتَّفَقُّهِ، وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُهُ
فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ...

“Wahai manusia, sesungguhnya ilmu itu didapati dengan belajar, dan faham agama itu dengan menuntut faham, dan siapa yang Allah menghendaki kebaikan pada dirinya, Dia menjadikannya memahami agama dan sesungguhnya yang takutkan Allah itu ialah para ulama...”¹⁶

Berkata pula Saidina Umar R.A :

تَفَقَّهُوا قَبْلَ أَنْ تَسُودُوا

“Fahamilah agamamu sebelum kamu dijadikan pemimpin”¹⁷

¹⁴ Surah Az Zumar:9, Al Quranul Karim

¹⁵ Surah Al Jaatsiyah:18, Al Quranul Karim

¹⁶ Amaali Al Jurjani, NO:330

¹⁷ Al Jaddul Hathith fi Bayan Ma Laysa bi Hadith, NO:108

Seseorang itu tidak dapat menjelaskan Islam atau penyelewengan daripada Islam kalau tidak mempunyai alasan yang kuat dengan kenyataan-kenyataan yang sebenar dan tepat. Bahkan ketiadaan pengetahuan tentang Islam yang menjadi tajuk dakwah seringkali menjadi masalah kepada pendakwah, dan kadang-kadang menjadi senjata yang menikam balik jika musuh boleh mengambil kesempatan daripadanya.

Di samping mempunyai keilmuan tentang Islam, seseorang itu hendaklah juga mempunyai ilmu perkara-perkara semasa yang boleh menolongnya kepada penyampaian dakwah dengan cara yang lebih berkesan dan memahami setiap tipudaya dan tindak tanduk musuh terhadap Islam, seperti mengerti bahasa mereka, dasar mereka dan cara-cara mereka, kerana Rasulullah S.A.W menganjurkan para Sahabat mempelajari bahasa asing supaya terselamat dari tipudaya mereka dan menolak hujah-hujah orang ahli kitab dengan hujah yang ada di dalam kitab mereka.

• Menjadi Tauladan Yang Baik

Seseorang pendakwah itu menjadi contoh yang diikuti. Orang yang didakwah (mad'u) itu tidak mendapat kesan yang mendalam dan kuat dengan lisan dan tulisan sahaja tetapi mestilah dengan amalan dan perbuatan.

Seseorang yang mengajak manusia kepada akhlak yang mulia tetapi akhlaknya sendiri buruk, dakwahnya tidak diperkenankan. Seseorang yang menganjurkan supaya masyarakat memberi sumbangan harta benda sedangkan dia sendiri seorang yang bakhil dan tiada pengorbanan harta benda darinya, ajakannya tidak berkesan. Seseorang yang mengajak umat supaya berjihad sedangkan dia penakut, panggilannya tidak masuk ke dalam hati manusia, orang yang memakan harta haram cakupnya tentang agama dipandang tipis, begitulah seterusnya.

Firman Allah Taala :

فَلِذَلِكَ فَادُعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ آمَنْتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ
مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ
لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

“Oleh yang demikian, maka serulah (mereka – wahai Muhammad – kepada agama yang benar), serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut

kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah; Aku beriman kepada segala Kitab yang diturunkan oleh Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. Tidaklah patut ada sebarang pertengkaran antara kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepadaNya lah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan)”¹⁸.

Firman Allah Taala :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu menyatakan apa yang kamu tidak perbuat?”¹⁹

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

“ Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu menyatakan apa yang kamu tidak perbuat”²⁰.

• Sabar

Menarik manusia kepada Islam dan mengubah sikap mereka memerlukan kesabaran para pendakwah, kerana dalam menjalankan kerja Islam itu terpaksa berdepan pelbagai telatah dan tingkah laku yang mengoncangkan perasaan, kerana orang tidak berfahaman Islam itu bercakap apa sahaja dan melakukan apa sahaja. Amat payah untuk memberi kesedaran dalam masa yang singkat. Maka sifat sabar menjadikan pendakwah itu tetap menyatakan Islam tanpa mengira jangka masa dan sikap liar yang ditunjukkan di hadapannya.

Sifat tidak sabar boleh meliarkan manusia dari dakwah. Banyak orang yang merugikan kerja dakwah kerana mengehendkan masa tertentu untuk dijumpai. Ada orang yang merugikan dakwah kerana tidak sabar, terlalu banyak dihubungi, dan banyak sekali tidak sabar menghadapi telatah yang kecil merosakkan uslub dakwah.

Firman Allah Taala :

¹⁸ Surah As Syura:15, Al Quranul Karim

¹⁹ Surah As Soff:2, Al Quranul Karim

²⁰ Surah As Soff:3, Al Quranul Karim

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

“Mintalah tolong dengan menunaikan solat dan sabar adapun hal itu begitu berat kecuali bagi orang yang khusyuk”²¹.

Firman Allah Taala :

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا
وَمِنْ أَنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ

“Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad) akan apa yang mereka katakan, dan beribadatlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya; dan beribadatlah pada saat-saat dari waktu malam dan pada sebelah-sebelah siang; supaya engkau reda (dengan mendapat sebaik-baik balasan)”²².

Bersabar bukan bermakna menyerah diri kepada musuh tetapi tahan menghadapi tindak tanduk mereka.

• Berlemah Lembut

Tugas pendakwah bukannya mencari musuh dan meramaikan musuh tetapi menyelamatkan manusia walaupun ada manusia yang hati mereka lebih keras daripada batu tetapi untuk menembusnya bukan seperti menembusi batu yang pejal. Cara kekerasan adalah cara terakhir apabila orang yang keras itu sudah menjadi penghalang di hadapan perjalanan dakwah. Tetapi ketika menyampaikan Islam mestilah memilih uslub berlemah lembut dan tidak menyerang kerana masa menyerang ada ketikanya.

Firman Allah Taala :

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka

²¹ Surah Al Baqarah:45, Al Quranul Karim

²² Surah Toha:130, Al Quranul Karim

(sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihani orang-orang yang bertawakal kepadaNya”²³.

Disebut di dalam hadis bahawa Rasulullah S.A.W telah berjaya meng-Islamkan seorang Yahudi yang terlalu kasar ketika meminta hutang lalu dilayan dengan lemah lembut.

• Bersikap Pemudah Bukan Pemayah

Perlu diketahui, manusia yang didakwah itu berbagai-bagai peringkat. Ada yang kuat dan ada yang lemah. Ada yang jinak dan ada yang liar. Maka, di antara kebijaksanaan seseorang pendakwah itu ialah tidak membebankan mereka dengan perkara yang dirasakan menjadi kesulitan yang meliarkan, hendaklah bersikap mudah dengan cara yang diizinkan oleh agama.

Sabda Rasulullah S.A.W :

أَقِيمُوا حُدُودَ اللَّهِ فِي الْقَرِيبِ وَالْبَعِيدِ وَلَا تَأْخُذْكُمْ فِي اللَّهِ لَوْمَةٌ لَائِمٍ

“Tegakkan batas-batas Allah pada yang hampir dan yang jauh dan jangan pedulikan celaan orang yang mencela di dalam perkara agama Allah”²⁴.

Disebutkan di dalam hadis ketika seorang badwi kencing di masjid, Para Sahabat yang ketika itu mereka di dalam masjid bangun untuk bertindak kasar, Rasulullah S.A.W melarang mereka dengan bersabda :

دَعُوهُ وَهَرِيْقُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ ، فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ
مُيَسَّرِينَ وَأَمْ تَبْعْتُوا مُعَسَّرِينَ

“Tinggalkan dia, curahkan di atas kencingnya setimba atau sebekas air, maka sesungguhnya kamu dibangkitkan sebagai orang-orang yang bersikap pemudah bukannya pemayah”²⁵.

²³ Surah Ali Imran:159, Al Quranul Karim

²⁴ Sunan Ibnu Majah, Kitab Al Hudud NO:2533

²⁵ Sahih Bukhari, Kitab Al Wudhu' NO:215

Pemudah bukannya memperkecilkan perintah agama tetapi menyampaikan Islam dengan cara yang tidak menjemu dan meliarkan, jangan bebankan sesuatu yang tidak mampu sebelum tiba masa kemampuannya, jangan bercakap lebih daripada masa sehingga memaksa pendengar dengan penuh kejemuan, payah dalam kira bicara sehingga meliarkan orang daripadanya boleh menjejaskan penyampaian dakwah.

• Merendah Diri

Di antara sifat yang menjadikan pendakwah itu dikasihi ialah kerana merendah diri. Sifat sombong dan bongkak menimbulkan kebencian orang, jangan mengangkat diri sendiri walaupun kedudukan kita tinggi. Jangan merendahkan orang lain dan membodohkan mereka walaupun mereka sebenarnya tidak mengerti kerana dengan cara begitu memberi kesan yang *salbi* (negatif) kepada dakwah.

Kadang-kadang ciri-ciri kesombongan itu dilahirkan secara nyata seperti memilih orang untuk bergaul, dengan hanya yang bertaraf tinggi sahaja, memilih tempat untuk berceramah, hanya memilih tempat yang ramai pendengar sahaja. Kadang-kadang dengan gaya bercakap yang menampakkan kesombongan dan sebagainya.

Contohnya Rasulullah S.A.W dalam pergaulannya dan ucapannya, walaupun Nabi kita merupakan penghulu keturunan Adam, Baginda S.A.W menyampaikan Islam kepada semua peringkat, bermula kepada orang-orang miskin sehinggalah kepada raja-raja kuasa besar dunia pada zamannya.

Baginda S.A.W pernah bersabda :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَوْحَى إِلَيَّ : أَنْ تَوَاضَعُوا حَتَّى لَا يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ

“Sesungguhnya Allah telah meng-wahyukanku supaya kamu bersikap tawadhuk (merendah diri), sehingga tidak seseorang di kalangan kamu bermegah ke atas seorang yang lain”²⁶.

Abu Musa Al Asya’ari R.A pernah berkata :

إِنْ كَانَ الرَّجُلُ مِنَ الْعَوَالِي، يَدْعُو رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَطْرَ
اللَّيْلِ عَلَى حُبِّ الشَّعِيرِ، فَيُجِيبُهُ...

²⁶ Sunan Ibnu Majah, *Kitab Az Zuhud* NO:4177

“Jika seorang penduduk 'Awaali yang menjemput Rasulullah S.A.W di tengah malam untuk jamuan roti sya'air nescaya Baginda menyahut jemputan itu”²⁷.

● Beramah Mesra

Sifat ini mudah menarik manusia kepada dakwah, menjinakkan mereka untuk mendengar apa yang diberitahu, melembutkan hati yang keras, melemahkan musuh yang bengis, merupakan salah satu cara perhubungan yang menarik.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda :

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

“Takutlah Allah di mana sahaja kamu berada, ikutilah kejahatan itu dengan kebaikan nescaya ia menghapuskannya, dan bergaullah dengan manusia dengan pergaulan yang baik”²⁸.

Walaubagaimanapun Al Quran turut menceritakan tentang sikap keras para Nabi terhadap kaum mereka yang menentang dakwah dan terus-menerus di dalam kebodohan mereka. Sebagai contoh ucapan Nabi Nuh yang direkodkan di dalam Al Quran kepada kaumnya yang menentang dakwah beliau.

وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّهُمْ مُلَاقُوا رَبِّهِمْ وَلَكِنِّي أَرَأَيْتُمْ قَوْمًا جَاهِلُونَ

“...Aku tidak akan menghalau orang-orang yang beriman (sebagaimana yang kamu minta itu), kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka (dan pada hari itu mereka akan menuntut dan menerima hak masing-masing); tetapi aku nampak kamu semua, kaum yang tidak mengetahui (jahil)”²⁹.

● Pemurah

Di antara syarat yang memungkinkan kejayaan seseorang pendakwah itu ialah apabila ia bersifat pemurah, bukan bermakna manusia itu dibeli dengan matabenda, tetapi sifat pemurah itulah yang memberi kesan kepada manusia walaupun sumbangan yang diberi tidak sama dengan bayaran yang diberi oleh orang yang membeli manusia, kerana sumbangan dari hati yang ikhlas dapat menawan hati pula.

Seorang yang bakhil boleh merugikan dakwah dan menutup pintu hati orang lain untuk menerima ucapannya, oleh itu Allah Taala berfirman :

²⁷ Ibnu Hajar Al As qolani, *Al Matolibul Aliyah bi Zawa'idil Masaanid At Thamaniyyah*, NO:3955

²⁸ Sunan At Tirmizi, *Kitab Al Birru wa Al Silah* NO:1907

²⁹ Surah Hud:29, Al Quranul Karim

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ
لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

“Sekali-kali janganlah orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari kurniaanNya menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Harta yang mereka bakhilkan itu akan dikalungkan di lehernya pada hari Kiamat, dan kepunyaan Allah segala warisan yang ada di langit dan di bumi dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”³⁰.

• Khidmat Dan Pertolongan

Di antara perkara yang menolong dalam kerja dakwah itu ialah khidmat dan pertolongan yang diberi kepada masyarakat, kerana bukanlah dakwah itu di atas mimbar dan di hadapan pembesar suara sahaja. Tetapi kadangkala berlegar di dalam kehidupan masyarakat.

Pertolongan yang diberikan kepada orang yang memerlukan pertolongan, khidmat yang disumbangkan akan menjadi baja yang boleh menyuburkan kerja dakwah. Ia bukanlah satu kerja da'ayah dan ada udang di sebalik batu, tetapi mestilah dengan hati yang ikhlas. Dengan itu, baharulah kita boleh menawan hati pula untuk diisi dengan kesedaran Islam.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda :

لأن يمشى أحدكم مع أخيه في قضاء حاجته وأشار بإصبعه أفضل من أن
يعتكف في مسجدي هذا شهرين

“Demi sesungguhnya seseorang yang berjalan untuk menunaikan hajat dan menyelesaikan masalah saudaranya lebih baik dari ia beriktikaf di dalam masjid aku ini selama 2 bulan”³¹.

Sabda Rasulullah S.A.W :

³⁰ Surah Ali Imran:180, Al Quranul Karim

³¹ Riwayat Hakim di dalam *Mustadrak*

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ
اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ
الْقِيَامَةِ

“Seseorang Islam itu saudara seorang Islam yang lain. Siapa menunaikan hajat saudaranya nescaya Allah bersama hajatnya. Dan siapa yang melepaskan satu kesusahan saudaranya nescaya Allah akan melepaskan daripada satu kesusahan daripada kesusahan di hari Kiamat”³².

• Penyebaran Dakwah Kepada Umum

Hendaklah difahami bahawa dakwah itu ditujukan kepada semua manusia tanpa mengira lapisan, umur, taraf pemikiran, fahaman dan pegangan yang dianuti. Oleh itu para pendakwah hendaklah mempunyai kebijaksanaan dan uslub penyampaian yang berkesan bagi menarik mereka kepada Islam dengan pandangan-pandangan dan penjelasan-penjelasan yang boleh difahami dan mestilah sesuai dengan taraf pemikiran mereka.

Rasulullah S.A.W telah bersabda :

نحن معاشر الأنبياء أمرنا أن ننزل الناس منازلهم، ونكلمهم على قدر عقولهم
“Kami Para Nabi diperintah supaya turun bersama manusia di tempat-tempat mereka (di semua peringkat) dan bercakap kepada mereka menurut kadar pemikiran mereka”.

Para pendakwah diperintah supaya mengerahkan tenaga ketika menyampaikan dakwah. Ianya tidak boleh dilakukan secara sambil lewa, kerana apa yang disampaikan bertujuan untuk memberi keinsafan dan kesedaran kepada hati yang terbelenggu atau tertutup tidak boleh dianggap ringan. Mestilah dengan uslub dan cara yang berkesan dan tepat pada sasarannya.

Di dalam hal ini hendaklah diambil kira beberapa perkara, di antaranya ialah :

• Sasaran Yang Tepat

Tajuk yang diperkatakan hendaklah mengubati penyakit semasa yang dihadapi masyarakat, di antaranya bahkan yang penting dari segala-galanya ialah

³² Sahih Bukhari, Kitab Al Mazolimi wal Ghosbi NO:2275

penyakit aqidah, yang menghinggapi manusia di sepanjang zaman. Ianya melibatkan segala aspek kehidupan manusia dan fitrah mereka. Hendaklah diketahui di mana letaknya penyakit itu, dari mana puncanya sehingga boleh menggugat aqidah di zaman kini.

• Mengemukakan Masalah Dasar

Pendakwah mestilah memberi penekanan kepada masalah dasar dan hendaklah diberi keutamaan dan didahulukan daripada masalah lain yang mempunyai masa dan keadaannya sendiri. Kalau tidak maka orang yang didakwah hanyalah bergantung pada rantingnya bukan pada dahan yang kuat. Di saat umat Islam dilanda urusan serangan pemikiran sekularisme dan ideologi kafir, sistem jahiliyyah sedang membelenggu mereka sehingga menjadi problem mengancam iman yang lebih bahaya dari ancaman kepada negara. Maka perhatian hendaklah diberikan kepada menjelaskan makna Islam yang sebenar dan peranan yang mesti ditegakkan di samping mendedahkan penyelewengan semasa dengan hujjah-hujjah yang kuat.

Sesungguhnya amat malang bagi kita dan memang dirancang oleh pihak musuh supaya kita memberi penekanan kepada masalah *furu'* yang menjadi masalah khilafiah di sepanjang zaman dan tidak boleh diselesaikan sampai bila-bila pun, seperti masalah qunut, niat solat dengan berlafaz atau tidak, talkin, bang (azan) dua kali pada hari Jumaat dan sebagainya. Masalah yang telah-pun menjadi perbincangan di zaman silam, masing-masing dengan hujjah-hujjah mereka, tetapi tetap saling menghormati antara satu sama lain dan yakin kepada sabda Rasulullah S.A.W :

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ فَأَصَابَ، فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِنْ أَخْطَأَ، فَلَهُ أَجْرٌ

“Jika seorang hakim berhukum dan berijtihad dalam hukumnya dan didapati ijtihadnya betul, maka baginya dua pahala dan sesiapa yang berijtihad namun didapati dia tersalah ijtihadnya maka baginya satu pahala”³³.

Pernah diriwayatkan bahawa Imam Shafi'e tidak membaca qunut subuh ketika mengimami solat di Iraq kerana menghormati pendapat Imam Abu Hanifah dan pengikutnya. Begitu jugalah Imam Ahmad bin Hambal, beliau menghormati gurunya Imam Shafi'e walaupun beliau kadang-kadang mempunyai pendapat yang berbeza dengan gurunya, begitu jugalah sikap Imam Shafi'e terhadap Imam Ahmad.

³³ Musnad Imam Ahmad, NO:17474

Menurut satu riwayat yang lain ketika Abdullah bin Umar R.A ditanya oleh seseorang yang datang dari Iraq tentang hukum darah lalat. Dengan marah beliau menjawab, *“Alangkah malang orang ini bertanya hukum darah lalat, mengapa dia tidak bertanya dahulu hukum darah Saidina Hussien, cucu Nabi S.A.W yang mereka tumpahkan”*.

Adalah menjadi suatu kelemahan ketika menjalankan kerja dakwah kalau dihabiskan masa dengan perkara-perkara cabang yang menjadi masalah khilafiah di tengah-tengah masyarakat yang aqidahnya dilanda bahaya. Mereka yang masih tidak memahami Islam adalah tidak munasabah ditonjolkan perkara-perkara cabang itu kepada mereka.

Berdakwah Dengan Kebijaksanaan & Yang Lebih Baik

Dalam menjalankan tugas yang besar ini kita hendaklah berpandukan kepada firman Allah Taala :

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

“Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”³⁴.

Firman Allah Taala lagi :

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ وَإِهْنَأْ

“Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang lebih baik kecuali orang-orang yang zalim di kalangan mereka; dan katakanlah (kepada mereka); Kami beriman kepada (Al Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepadaNya, kami patuh dengan berserah diri”³⁵.

³⁴ Surah An Nahl:125, Al Quranul Karim

³⁵ Surah Al Ankabut:46, Al Quranul Karim

Al Imam Ghazali telah menceritakan di dalam kitab Ihya' bahawa, **“Menjalankan amar ma'ruf dan nahi munkar hendaklah dengan bahasa dan cara yang paling lembut dan beliau menyebut bagaimana seorang yang menasihati Khalifah Al Makmun dengan bahasa yang kasar tanpa memahami suasana tempat dan keadaan orang yang dinasihati, lalu Khalifah Al Makmun berkata; Orang yang lebih jahat daripada saya dengan cara yang lebih baik daripada ini, Nabi Musa dan Nabi Harun yang lebih baik daripadamu telah diutuskan oleh Allah kepada Firaun yang lebih jahat daripada saya, tetapi Allah berfirman :**

اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ

“Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya”³⁶.

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut”³⁷.

Perlu difahami bahawa kebijaksanaan itu ada batasnya. Sikap orang menghormati dan ingin mendengar dengan baik, lain dengan sikap orang yang zalim yang menolak mentah-mentah apa yang dikemukakan. Kita hendaklah menghadapi itu semua dengan penuh sabar. Orang-orang yang zalim juga hendak diselamatkan.

Al Imam Ibnu Qayyim Al Jauziyyah telah menyebut di dalam kitab *“Zaadul Ma'ad”*, bahawa Rasulullah S.A.W amat teliti memberi ucapan. Baginda memilih untuk diucapkan kepada umatnya yang paling baik, menjauhkan diri dari kata-kata keji dan kesat. Baginda tidak keji dan mengeji, tidak keras dan menyakitkan pendengar. Baginda suka memakai lafaz yang mulia kepada orang yang tidak ada kemuliaan sifatnya, tidak memakai lafaz yang dibenci bukan kepada orangnya, melarang panggilan 'tuan' kepada munafiq, Baginda melarang Sahabat menggelar Abu Al Hakim (orang yang bijak) kepada Abu Jahal.

Walau bagaimana jahat sekalipun orang yang jahat itu, kita tetap menaruh harapan untuk menyelamatkan mereka. Oleh itu, segala ucapan dan tulisan yang dikemukakan hendaklah dengan penuh pertimbangan dan amat teliti.

³⁶ Surah At Toha:43, Al Quranul Karim

³⁷ Surah At Toha:44, Al Quranul Karim

Agar kita benar-benar dapat membezakan yang benar-benar zalim, yang sengaja menyembunyikan kebenaran, dengan orang yang jahil murakkab (tidak tahu bahawa dia tidak tahu) kerana sebarang keterlanjuran memerlukan masa untuk membetulkannya.

Kita tidak harus menjadikan medan dakwah sebagai tempat melepas geram semata-mata tanpa suatu pertimbangan yang penuh bijaksana.

Persediaan Pendakwah

Di antara persediaan uslub dakwah ialah :

- 1- Mestilah memakai bahasa yang lemah-lembut ketika mengajak manusia kepada Islam.
- 2- Mengemukakan hujjah-hujjah yang kuat sehingga mematikan hujjah mereka.
- 3- Mengemukakan hujjah-hujjah yang menolak serangan dan tuduhan.
- 4- Mengemukakan hujjah yang bertubi-tubi.
- 5- Mengemukakan perkara yang mengembirakan kalau menerima Islam dan memberi amaran kalau menentangnya.
- 6- *Isbat mufassal naif mujmal* (mengisbatkan kebenaran Islam dengan huraian yang panjang dan menafikan kebatilan dengan tidak banyak membuang masa).
- 7- Tidak banyak melayan hujjah-hujjah bodoh.
- 8- Bijak membuka gelanggang.

Amal Jama'ie (Berorganisasi)

Walaupun berdakwah itu menjadi kewajiban kepada setiap anggota umat Islam menurut kemampuan dan kadar masing-masing tetapi ianya mestilah dilaksanakan dengan berorganisasi.

Wajibnya ada jemaah, parti atau pertubuhan yang membawa wadah perjuangan menegakkan Islam dan mendaulatkannya di atas muka bumi kerana kesyumulan Islam dan memastikan wujudnya jemaah atau parti, bukan sahaja menjadi hakikat yang disedari apabila kerja dakwah itu dilakukan, tetapi itulah juga perintah Allah dan Rasulullah S.A.W.

Firman Allah Taala :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ
وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا
يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-l lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi Pengetahuannya”³⁸.

Firman Allah Taala lagi :

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ

“Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan RasulNya serta orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan – parti – (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang”³⁹.

Sabda Rasulullah S.A.W :

تَلْزَمُ الْجَمَاعَةَ وَإِمَامَ الْجَمَاعَةِ

“Lazimilah jemaah orang Islam dan pemimpin jemaah mereka”.

Berjemaah adalah sunnaterrasul. Maka memperjuangkan agama Allah Taala mengkehendaki kepada aktivisnya untuk berjemaah, bukannya bersendirian.

Allah Taala telah berfirman :

وَكَايِّنَ مِنْ نَبِيِّ قَاتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ

“Berapa banyak nabi yang berperang bersamanya kaum (Al Ribbiyyun) yang ramai”⁴⁰.

³⁸ Surah Al Maidah:54, Al Quranul Karim

³⁹ Surah Al Maidah:56, Al Quranul Karim

⁴⁰ Surah Ali Imran:146, Al Quranul Karim

Ibnu al-Qayyim berkata, ***“Seperti ijma’ oleh para mufassirin – Al Ribbiyyun – di sini memberi maksud jamaah-jamaah. Ada pendapat mengatakan ia berasal dari perkataan – Al Ribbah – yang bermaksud jamaah”***. Imam Al Jauhari berpendapat, ***“Al Ribbi merupakan kata nama tunggal bagi Al Ribbiyyun, iaitu beribu-ribu orang manusia”***⁴¹.

Oleh itu, maksud ayat di atas ialah Para Nabi berperang bersama-sama beribu-ribu orang yang beriman. Sejarah hidup Rasulullah S.A.W merupakan contoh yang jelas bagi ayat tersebut. Para pewaris Rasulullah S.A.W dan pengikut-pengikutnya juga tidak bersendiri-sendiri. Mereka akan berjalan bersama beribu-ribu.

Penutup

Demikianlah secara ringkas uslub atau cara yang mesti dilaksanakan oleh pendukung cita-cita Islam berdasarkan Al Quran, Hadith dan pengalaman yang benar dilalui oleh para anbiya' dan *salafussoleh* bagi menjayakan kerja dakwah dan mendaulatkan Islam. Marilah kita contohi dengan harapan diterima oleh Allah, mendapat pertolongan dan apa yang dilakukan tidaklah menjadi kerja sia-sia tetapi menjadi amalan yang berterusan kebaikannya sehingga hari kemudian.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

⁴¹ Ibnu al-Qayyim, Miftah Dar Al Sa'adah, Jilid 1, hal. 154